

ARAHAN OPERASI BIL. 7 TAHUN 2020
TATACARA PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PINJAMAN BANK UNTUK JANGKA
MASA TERHAD (*AUTOMATIC MORATORIUM*)

Selaras dengan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) PRIHATIN yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Mac 2020, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) mengambil inisiatif untuk menerangkan tindakan yang boleh diambil oleh Bendahari Negeri (BN), Jabatan (Jab) dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam menguruskan penangguhan bayaran balik pinjaman bank untuk jangka masa 6 bulan bermula 1 April 2020.

Tatacara Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman Bank untuk jangka masa terhad adalah seperti dilampirkan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Encik Rashid bin Rahmat di talian 03-8886 9685 atau di alamat e-mel rashid.rahmat@anm.gov.my.

Sekian, terima kasih.

Bahagian Khidmat Perunding
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Ruj. Fail: JANM.BKP.600-13/2/22 (9)

Tarikh: 2 April 2020

TATACARA PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PINJAMAN BANK UNTUK JANGKA MASA TERHAD (*AUTOMATIC MORATORIUM*)

1. TUJUAN

Tatacara ini bertujuan untuk memaklumkan tindakan yang perlu diambil oleh Bendahari Negeri (BN), Jabatan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi fungsi sedia ada iaitu proses Perubahan Gaji dalam Modul Gaji (PY) iSPEKS bagi penangguhan bayaran balik pinjaman bank untuk tempoh enam (6) bulan berkuatkuasa mulai 1 April 2020. Ini adalah selaras dengan pengumuman Paket Rangsangan Ekonomi (PRE) PRIHATIN yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Mac 2020.

2. LATAR BELAKANG

Dalam sistem iSPEKS, potongan gaji untuk bayaran balik pinjaman bank boleh dilakukan sama ada melalui Biro ANGKASA atau bayaran terus ke bank. Bagi potongan yang tidak melalui Biro ANGKASA, pegawai perlu membuat permohonan pemberhentian potongan gaji kepada Unit Gaji di Jabatan/ PTJ masing-masing. Bagi potongan gaji melalui Biro ANGKASA, agensi akan mengemukakan satu fail kepada iSPEKS untuk diproses. Biro ANGKASA menjadi penyelaras untuk semua jenis pinjaman daripada bank dan juga koperasi.

3. TINDAKAN BENDAHARI NEGERI (BN), JABATAN DAN PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

- 3.1** Potongan gaji untuk bayaran balik pinjaman yang **melalui Biro ANGKASA**, BN akan memproses fail integrasi yang diterima daripada Biro ANGKASA seperti biasa.
- 3.2** Potongan gaji untuk bayaran balik pinjaman yang **tidak melalui Potongan Biro ANGKASA**, Jabatan/ PTJ hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:
 - 3.2.1** Memaklumkan pegawai di PTJ untuk mengemukakan permohonan memberhentikan potongan gaji ke bank kepada Unit Gaji, Jabatan/ PTJ.
 - 3.2.2** Jabatan/ PTJ memproses perubahan gaji Kew.320 dengan mengeluarkan potongan pinjaman dari maklumat potongan gaji pegawai berkenaan bagi tempoh enam (6) bulan bermula gaji bulan April 2020 sehingga gaji bulan September 2020. Kew.320 hendaklah diproses seperti biasa.
 - 3.2.3** BN/ Jabatan/ PTJ hendaklah memastikan potongan gaji ke bank bagi pegawai yang terlibat dimulakan kembali semasa proses perubahan gaji bulan Oktober 2020.

4. PENUTUP

Walaupun penangguhan bayaran balik pinjaman bank ini diberikan secara automatik oleh bank, ianya masih perlu diambil tindakan oleh BN, Jabatan dan PTJ. Proses penangguhan dan permulaan kembali potongan gaji ke bank yang tidak melalui Biro ANGKASA hendaklah diproses mengikut tempoh yang telah ditetapkan dengan menggunakan proses Kew.320 dalam iSPEKS.